

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN BARU (DIVING)
PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN / AGENSI PENGEMBARAAN**

1) **Syarat-syarat Permohonan :**

- i. **Syarikat Sendirian Berhad** yang telah diperbadankan di bawah **Akta Syarikat 1965**.
- ii. Borang permohonan **mesti** ditandatangani oleh Pengarah syarikat dan di cop syarikat.
- iii. Mematuhi syarat modal berbayar dan pegangan saham maksimum yang dibenarkan, seperti di **Lampiran**.
- iv. Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham di satu syarikat pelancongan **tidak dibenarkan** mempunyai syarikat pelancongan yang lain selain lesen cawangan.
- v. Menjelaskan kompaun mengikut AIP 1992 sebelum permohonan diproses (jika ada).

2) **Dokumen Yang Diperlukan :**

- i. **Borang 1 (Peraturan 3)** sebanyak **2 salinan**.
- ii. Salinan **Akta Syarikat 1965**
- iii. Salinan **Memorandum dan Tataurusan Syarikat**
- iv. Salinan **Borang 9** (Certificate of Incorporation of Private Company)
- v. Salinan **Borang 13** (Certificate of Incorporation on Change of Name of Company) (jika ada)
- vi. Salinan **Borang 24** (Returned of Allotment of Shares)
- vii. Salinan **Borang 32A** (Form of Transfer of Securities) (jika ada)
- viii. Salinan **Borang 49** (Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Change of Particulars).
- ix. Salinan **Kad Pengenalan** Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham
- x. Dua (2) keping **Gambar berukuran pasport terkini** bagi setiap Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham.
- xi. **Kertas kerja** yang mengandungi maklumat berikut:

A. Pendahuluan / Latar Belakang Syarikat

- Tarikh ditubuhkan
- Nama-nama Ahli Lembaga Pengarah
- Nama-nama Pemegang Saham
- Alamat berdaftar syarikat (*Company secretary*)
- Alamat Pejabat operasi
- Objektif syarikat
- Jumlah dan kategori kakitangan yang akan diambil bekerja

B. Kedudukan Kewangan

- Jumlah Modal dibenarkan
- Jumlah Modal Berbayar
- Senarai Harta (Jika ada)
- Kemudahan-kemudahan kewangan yang lain jika ada (Seperti overdraf dan dsb)

C. Pengalaman Pengarah / Pemegang Saham / Pengurusan

- Kelulusan dan kelayakan profesional
- Kursus yang pernah dihadiri
- Jawatan yang disandang
- Pengalaman-pengalaman kerja lain
- Dokumen sokongan hendaklah disertakan (contoh: borang EPF, surat tawaran jawatan, borang 24/49 sekiranya pemegang saham/lembaga pengarah dalam syarikat lain)

D. Strategi Dan Perancangan Pemasaran

- Pelancongan Dalam Negeri (Inbound Diving)
- Pelancongan Ke Luar Negeri (Outbound- jika berkaitan)
- Agensi Pengembaraan (Ticketing- jika berkaitan)
- Pemasaran (Kumpulan Sasaran)
- Kemukakan pakej pelancongan Inbound Diving

E. Hubungan Perniagaan (Contact)

- Hubungan dengan agensi pelancongan dalam negeri (Nyatakan nama agensi tersebut)
- Hubungan dengan agensi pelancongan Luar Negeri (Nyatakan nama agensi tersebut)
- Sertakan surat sokongan dari agensi yang dinyatakan di atas

F. Penutup

Nyatakan perkara-perkara lain yang boleh menyokong permohonan anda

- 3) Kemukakan ke Bahagian Pelesenan, Kementerian Pelancongan atau Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia Negeri.
- 4) **Dokumen Sokongan Pengalaman**
 - Salinan **sijil-sijil akademik** Lembaga Pengarah/Pemegang Saham/kakitangan berkaitan latarbelakang sukan menyelam.
 - **Surat pengesahan pengalaman** dalam bidang sukan menyelam bagi Lembaga Pengarah / Pemegang Saham atau kakitangan syarikat (jika berkaitan).
 - Salah seorang Ahli Lembaga Pengarah/Pemegang Saham/kakitangan **mesti** mempunyai pengalaman dalam bidang menyelam/jurulatih yang disahkan oleh agensi yang diiktiraf (PADI / NAUI / SSI dsb).
 - **Pakej-pakej** (Inbound diving) yang disediakan jika berkaitan.
 - **Surat sokongan** dari pihak yang berkaitan (jika ada).
- 5) **Fi proses : RM100 bagi setiap permohonan** dalam bentuk bank draf/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama *Pesuruhjaya Pelancongan*.
- 6) **Piagam Pelanggan : 20 hari berkerja** dari tarikh permohonan lengkap.
- 7) Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui surat kepada alamat berdaftar syarikat (*company secretary*).
- 8) Keputusan permohonan dikeluarkan sebagai **surat kelulusan sementara** bagi tempoh **2 bulan** untuk menyediakan premis operasi.
- 9) Lesen dan pelekat perniagaan akan dikeluarkan setelah premis operasi syarikat **diluluskan**.

**GARIS PANDUAN PEGANGAN SAHAM DAN MODAL BERBAYAR BAGI WARGANEGARA MALAYSIA/ASING BAGI SYARIKAT
PENGENDALIAN PELANCONGAN (Diving) DAN AGENSI PENGEMBARAAN**

BIL.	JENIS LESEN	MILIKAN		PEGANGAN SAHAM MAKSIMUM DIBENARKAN	MODAL BERBAYAR
1)	Inbound (Diving) & Ticketing	(Individu / Syarikat) Asing –Negara ASEAN		49%	RM250,000
		(Individu / Syarikat) Asing –Negara Bukan ASEAN		30%	
2)	Inbound (Diving)	Syarikat Asing (ASEAN & Bukan ASEAN)		100%	RM500,000
3)	Inbound (Diving)	Bumiputera (B)	Luar Bandar & Bandar	100%	RM50,000
		Bukan Bumiputera (BB)			
		Syarikat Tempatan (ST)			